

200 peserta utk ^{10 MAR 1979} 'Sejarah Islam'

SERAMAI 200 orang peserta telah menghantar hasil karangan mereka untuk memasuki Peraduan Sejarah Islam, anjuran Persatuan Pencaksilat Singapura (Perpensis) sempena dengan sambutan Maulud tahun ini.

Peraduan kali kedua pernah dianjurkan oleh Perpensis itu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A untuk peserta berusia 12 tahun ke bawah, Bahagian B

untuk peserta 12 hingga 15 tahun dan Bahagian C pula untuk mereka yang berada di menengah 4 dan pra-universiti.

Seorang jurucakapnya memberitahu bahawa bahagian A disertai oleh kira-kira 113 orang, bahagian B seramai 26 orang dan C hampir 50 orang.

Keputusan

Semua karangan ini akan dibuat penapisan sebanyak tiga kali dan hanya tujuh orang peserta dari setiap bahagian saja

akan bawa kepada peringkat terakhir.

Tiga orang pengadil telahpun diilih untuk menapis karangan-karangan ini, mereka terdiri dari wakil Jamiyah, Pergas dan seorang lagi ialah anggota masyarakat yang tidak menjadi sebarang ahli dari mana-mana badan.

Segala sikeputusan akan diumumkan pada 1 April ini, dan mana satu upacara penyamapian akan diadakan. Mereka yang berjaya akan menerima vocer bernilai \$100 bagi hadiah pertama, \$50 untuk

hadiah kedua dan \$25 hadiah ketiga.

Hadiah2

Empat hadiah saguhati berupa vocer \$10 satu juga akan diberikan kepada para peserta yang tidak berjaya mendapat tempat pertama hingga ketiga bersama hadiah-hadiah tambahan, kata jurucakap itu lagi.

Peyertaan kali ini, semuanya diterima dalam bahasa Melayu walaupun mereka dibolehkan mengarang dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab.